

e-Voting

Pilihan Raya Kampus (PRK)

oleh : Hayani Abu Yamin & Norazlinda Ibrahim

Pilihan Raya Kampus (PRK) merupakan aktiviti tahunan yang diadakan bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Memandangkan pandemik Covid-19 melanda negara dan dunia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil inisiatif dengan mempelopori kaedah baharu dalam melaksanakan Pilihanraya Kampus (PRK) iaitu dengan menggunakan kaedah sepenuhnya dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal ke kampus. Sebelum ini, PRK UTeM dilaksanakan secara dalam talian berkonsepkan client based dan pelajar perlu hadir ke lokasi atau pusat pembuangan undi yang telah ditetapkan bagi melakukan proses pembuangan undi. Dengan kaedah baharu ini membolehkan seramai 12,419 orang pelajar UTeM di seluruh negara yang layak mengundi untuk membuang undi bagi memilih calon MPP. Pelajar boleh mengundi melalui aplikasi pintar *MyUTeM* atau melalui Portal e-Vote Pelajar.

Proses pengundian telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2020 bermula jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang. Sepanjang proses pengundian dijalankan, ia turut diselang selikan dengan sesi cabutan bertuah yang menawarkan hadiah menarik kepada pelajar-pelajar yang mengundi. Turut dijalankan sesi bual bicara santai bersama TNC (HEP) dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) yang mengupas berkaitan gerak kerja, pengalaman dan inisiatif berkaitan proses pengundian menggunakan kaedah baharu ini. YBhg. Profesor Datuk Wira Naib Canselor turut bersama dan memberi kata-kata aluan sebagai tanda sokongan untuk pelaksanaan proses pengundian menggunakan kaedah yang baharu.



Pelaksanaan kaedah baharu ini selari dengan kekangan yang perlu dihadapi dalam musim pandemik di mana majoriti pelajar UTeM berada di kampung halaman masing-masing, namun tetap dapat menunaikan tanggungjawab melaksanakan proses pembuangan undi secara atas talian. Perjalanan PRK UTeM bermula dengan kempen dan pengendalian pada hari pilihan raya ini digerakkan oleh sekumpulan pelajar UTeM dikenali sebagai *Campus Election Committee (CEC)* dan dibantu oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM. Bilik gerakan juga beroperasi sepanjang hari pengundian berlangsung bertempat di Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK).

Secara keseluruhannya proses pengundian berjalan dengan lancar. Statistik peratusan keseluruhan dan peratusan mengikut fakulti disediakan untuk memudahkan pemantauan.

